



your complimentary
use period has ended.
Thank you for using
PDF Complete.

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

www.bharian.com.my/bharian/articles/Membudayakanpenyelidikanuniversiti/Article/print_html

Institute of Islamic Understanding Malays... Membudayakan penyelidikan universiti

star

down

left

right

plus

minus

refresh

stop

home

back

forward

print

close

BERITA HARIAN online

Membudayakan penyelidikan universiti

Oleh Zaleha Kamaruddin
bhnews@bharian.com.my
2011/11/05

Lahir modal insan minda kelas pertama dunia Islam perlu berterusan

KEMAMPUAN merealisasikan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 mengikut acuan sendiri amat bergantung kepada sistem pendidikan negara.

Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama sudah menjadi agenda utama Kementerian Pengajian Tinggi dalam rangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan berkeperibadian tinggi.

Sehubungan itu, tenaga akademik atau pensyarah di universiti diamanahkan melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu. Pelbagai ilmu pengetahuan disediakan itu perlu juga diseimbang dan disepadukan dengan aspek kerohanian, emosi dan jasmani.

Antara langkah kerajaan ialah melaksanakan transformasi sistem penyelidikan dan pendidikan negara. Ini termasuk mewujudkan Majlis Profesor dan Anugerah Profesor Ulung kepada tokoh akademik yang cemerlang dalam bidang masing-masing. Usaha terbaru ialah pengumuman Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengenai penerbitan buku atau bahan akademik dalam bahasa Melayu yang akan dijadikan sebagai antara kriteria kenaikan pangkat ahli akademik di institusi pengajian tinggi (IPT).

Pada 2007, kerajaan berbelanja lebih RM6 bilion untuk pengurusan IPTA. Jumlah ini meningkat dari tahun ke tahun dengan penambahan pelajar dan menaik taraf lima IPTA sedia ada iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia kepada universiti penyelidikan. Di samping itu, hubungan rapat antara universiti dengan industri dan kerjasama antarabangsa melalui program pertukaran ahli akademik perlu ditingkatkan.

Selain program pembangunan profesionalisme, aspek budaya kerja dan kepemimpinan perlu diinstuisikan bagi memastikan kecemerlangan IPT. Bagi maksud ini, beberapa penganugerahan dan pengiktirafan serta insentif lain diberikan kepada semua ahli akademik yang berjaya menghasilkan ciptaan dan inovasi mereka.

Menurut laporan Prof Dr Muhamad Rasat Muhamad dari Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Malaya, lazimnya peranan utama sebuah universiti adalah bagi menjana dan menyebarluaskan ilmu dan bagi menghasilkan ilmuwan. Peranan pertama berkait rapat dengan aktiviti penyelidikan manakala peranan kedua pula berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengajaran dan penyelidikan bolehlah dianggap sebagai aktiviti teras dalam sebuah universiti.

Beliau berkata, kejayaan universiti biasanya diukur menerusi kejayaan ahli akademik dan penyelidiknya membuat penemuan baru atau penyelesaian masalah melalui penyelidikan serta memperkayakan harta intelek universiti bagi kegunaan masyarakat. Pengalaman mengumpul stok ilmu ini dan penggunaannya pula akan dikongsi dengan penuntut universiti melalui proses pengajaran bagi menghasilkan graduan berilmu dengan kemahiran tinggi dalam bidang masing-masing. Proses ini dan penyertaan dalam aktiviti lain di universiti menyediakan graduan untuk menjadi pemimpin dan ahli teknokrat di dalam masyarakat.

Peranan penyelidikan menjadi penting sehingga setiap universiti sentiasa menjadikan penyelidikan sebagai agenda utama dalam pelan strategik dan tindakan universiti berkenaan. Universiti seumpama ini mempunyai tradisi dan budaya tersendiri kerana fokus mereka adalah penjanaan ilmu. Sebarang pelantikan dan kenaikan pangkat kakitangan akademiknya mengutamakan keupayaan dan kemampuan